

Kerajaan BN-PH kukuh, mampu bertahan berdekad

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Kerajaan perpaduan disifatkan satu kekuatan baharu yang mampu bertahan sehingga berdekad akan datang kerana perpaduan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan (PH) yang tidak boleh dirungkai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia juga mengambil kira pengalaman BN dipimpin UMNO yang telah berjaya membina perpaduan rakyat negara ini di bawah UMNO, MCA dan MIC.

Menurutnya, Pakatan Harapan (PH) sendiri tidak dapat bertahan setelah Pas memilih keluar daripada kerjasama itu, namun gabungan PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (Amanah) menjadikan parti itu lebih kuat.

"Dua gabungan ini, BN-PH menjadi induk terutamanya di Semenanjung, maka ia akan menjadi kekuatan baharu untuk dekad-dekad mendatang yang tidak mudah disangkal dan dirobohkan," katanya ketika berucap pada Konvensyen Kerajaan Perpaduan Perak di sini semalam.

Anwar berkata, Kerajaan Per-



ANWAR Ibrahim berucap pada perasmian penutup Konvensyen Kerajaan Perpaduan peringkat negeri Perak tahun 2024 di Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

paduan juga bernasib baik kerana rakan parti di Sarawak, iaitu Gabungan Parti Sarawak (GPS) merupakan rakan yang sangat setia dan komited untuk menjalin hubungan dan membina kekuatan.

"Begitu juga Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan rakan-

rakan sekutunya di Sabah juga mengikut trend yang sama.

"Dakwaan kerajaan akan tumbang cuma diuar-uarkan sebagai persepsi untuk melemahkan kerajaan, kerana apa lagi harapan dan kekuatan yang ada pada pembangkang selain dari-

pada memberikan harapan agar berlakunya perubahan.

"Orang yang dia janji dan mereka yang yaki'n perubahan akan berlaku tetapi tidak berlaku maka seorang demi seorang meninggalkan parti mereka," katanya.